

- Gambar MOHD NOOR AMIN & AZRUL EDHAM AMINUDDIN



PEMUKUL gendang di hadapan bot menjaga rentak dayungan manakala 'sweep' mengemudi di belakang bot.

BCWA merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu pesakit kanser payu dara dan ahli keluarga mereka melalui diagnosis, rawatan dan pemulihan dari segi emosi, mental serta fizikal.

Sukarelawan yang juga bekas pesakit kanser terlatih akan memberi sokongan psiko sosial bagi membantu individu

terbabit menerusi sesi bersemuka, telefon dan emel.

Di samping itu, BCWA menyediakan bantuan bukan perubatan melalui The Thimble Thumb Team yang menjahit prostesis gentian payu dara, rambut palsu dan bahan bacaan kepada penghidap kanser payu dara.

Ia turut menawarkan latihan untuk

sukarelawan, bekas pesakit kanser, NGO, hospital, kakitangan kerajaan dan swasta.

Untuk sumbangan, sokongan atau maklumat lanjut hubungi 03-79540133, e-mel: bcwa@streamyx.com dan alamat Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 16, Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya Selangor.

Program latihan berdayung perahu yang direka khas didapati tidak meningkatkan risiko limfodema. Sebaliknya, kebanyakan peserta yang menghidap limfodema mendapati simptom penyakit itu turut berkurangan

Pasukan Perahu Naga Pink Challengers BCWA

- **Jun 2004** - 22 ahli BCWA menyaksikan Pertandingan Perahu Naga oleh bekas pesakit kanser payu dara di Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang ke-25.
- **Februari 2005** - Latihan pertama di darat oleh jurulatih Bryen Pang. Sebulan kemudian, PC mendapatkan kebenaran menggunakan perahu naga untuk berlatih secara tetap di Kelab Tasik Putrajaya.
- **Mac 2005** - Pink Challengers, pasukan perahu naga bekas pesakit kanser payu dara pertama di Malaysia ditubuhkan.
- **Jun 2005** - PC menyertai perlumbaan pertama di Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang ke-26.
- **September 2006** - Bergabung tenaga dengan pasukan Dragons Abreast Hong Kong dalam Kejohanan Perahu Naga Kanser Payu Dara Dunia di Singapura, anjuran Majlis Perahu Naga Merah Jambu Antarabangsa (IPDBC).
- **Jun 2007** - Memenangi pingat gangsa pada Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang di Empangan Teluk Bahang.
- **Jun 2007** - Menyertai kempen kesedaran kanser payu dara pada Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa Sabah Ke-22 di Teluk Likas.

Tanda-tanda amaran kanser payu dara

- Perbezaan luar biasa pada saiz dan bentuk payu dara.
- Perubahan kedudukan puting.
- Puting menyorot ke dalam.
- Bonjol atau kedutan pada kulit.
- Ruam atau warna luar biasa pada kulit payu dara.
- Puting mengeluarkan cecair luar biasa (darah).
- Ketulan di mana-mana bahagian payu dara.



BEKERJA sebagai satu pasukan menyediakan bot panjang sebelum berlatih.